

# Remaja hilang lebih seminggu

*Ibu syaki Nor Afifa jadi mangsa culik di tempat kerja*

**KUANTAN** – Hari pertama Ramadan tidak membawa sebarang erti kepada seorang ibu, Ana Zali, 45, apabila gagal mencari anaknya yang hilang selama 10 hari disyaki menjadi mangsa culik.

Ana berkata, sehingga kini dia masih berusaha mendapatkan maklumat daripada rakan-rakan dan keluarga terdekat jika mereka boleh membantu membawa Nor Afifa Abd Rahman, 20, ke pangkuan keluarga.

Ibu kepada empat anak itu turut berusaha mengedarkan gambar Nor Afifa di beberapa premis berdekatan kawasan anaknya hilang.

Katanya, dia yakin anaknya masih berada di Kuantan dan berharap orang ramai dapat mengemukakan bantuan.

“Kami sekeluarga tidak membuat sebarang persiapan menyambut Ramadan, malah saya sendiri tidak senang duduk dan terlalu berharap Nor Afifa dikembalikan dalam keadaan selamat,” katanya.



**NOR AFIFA**

Ana juga nekad untuk mencari anaknya dengan bantuan polis selepas dua kali membuat laporan mengenai kehilangannya itu.

“Saya tidak tahu keadaannya sekarang. Kami sekeluarga sentiasa berdoa semoga dia selamat dan pulang menyambut Ramadan bersama,” katanya.

Sebagai ibu katanya, dia me-

ngenali Nor Afifa sebagai anak yang baik dan tidak pernah membantah kata-kata ibu bapa di samping mempunyai hubungan rapat dengan tiga adiknya.

Nor Afifa dilaporkan hilang di Taman Tas kira-kira jam 11.30 pagi 10 Julai lalu ketika Ana sedang memeriksa barang dalam sebuah bangunan di tempat kerjanya.

Bagaimanapun, dia hanya menyedari kehilangan Nor Afifa apabila tidak mendengar suara anaknya sebelum berusaha mencari di sekitar kawasan perniagaan itu, namun gagal menemui sebarang kesan.

Ana berkata, dia terpaksa membawa Nor Afifa ke tempat kerja kerana bimbang keadaan anaknya yang demam sejak dua minggu sebelum kejadian dan tidak mahu meninggalkan anaknya sendirian di rumah.

Katanya, ketika anaknya hilang, dia memakai baju merah jambu dan hitam, berseluar serta bertudung hitam.

Sinar 22/7/12 MS 60



Ana menunjukkan laporan polis dan gambar Nor Afifa.